

# Musa boleh laksanakan tugas penting: MB

MUAR, Jumaat — Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin berharap penyertaan semula bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dalam Umno akan memperkukuhkan parti itu dan Barisan Nasional (BN) di negeri ini.

"Kita harap beliau (Datuk Musa) dapat membantu dan bersama-sama untuk menentukan kekuatan Umno Johor dipulihkan seratus peratus," katanya.

Beliau menegaskan bahawa hanya Umno yang dapat menentukan nasib bangsa Melayu dan kemajuan ekonomi negeri ini.

"Penyertaan Datuk Musa akan menjadikan Umno dan BN Johor lebih mantap," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dan penerangan

khas anjuran Umno bahagian Pagoh di Dewan Jubli Intan, di sini hari ini.

Menteri Besar yang juga Ketua Umno bahagian berkenaan, berkata, orang Melayu perlu mengamalkan sikap berbaik-baik dan mengelak daripada politik cara berkonfrontasi.

## Runding

Beliau berkata, perpaduan dalam Umno tidak sukar dicapai jika anggotanya tidak terlalu mementingkan orang perseorangan tertentu saja.

"Saya akan meneruskan sikap sedia berunding dengan sesiapa saja," katanya.

Mengenai pelaksanaan enam resolusi Perpaduan Melayu Johor, Menteri Besar yang juga Ketua Perhubungan Umno negeri mahu

setiap bahagian dan cawangan menghayati semangat yang terkandung dalam resolusi itu.

"Kini wujud satu suasana baru yang paling sesuai dan kejayaan kita melaksanakan maksud dalam resolusi itu bergantung kepada kerjasama semua pihak," katanya.

Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah Datuk Musa, Ahli Parlimen Pagoh, Encik Ahmad Omar; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Jorak, Puan Sabariah Ahmad; Adun kawasan Endau, Haji Kadri Sabran; Adun kawasan Bandar Tenggara, Haji Adam Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Segamat, Datuk S Subramaniam.